

CNS2940
R PB 25-04 00237 BH641
bah
Mahathir - BN

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengambil alih jawatan pengerusi Barisan Nasional Kelantan daripada bekas Menteri Besar Tan Sri Mohamed Yaacob.

Menteri Belia dan Sukan Haji Annuar Musa akan menjadi timbalan pengerusi.

Haji Annuar memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa beliau diberitahu mengenai perlingtonan itu oleh Datuk Seri Dr Mahathir semalam.

Katanya beliau akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai jawatankuasa berhubung masalah umat Islam dan bukan Islam di Kelantan selamatiga hari mulai 9 Mei.

Haji Annuar enggan mengulas laporan yang menyebut kerajaan Pas di Kelantan akan menghentikan bekalan air untuk projek-projek pembangunan oleh kerajaan pusat di negeri itu selagi tindakan membeku subsidi baja padi berterusan.

+Memadai saya katakan bahawa ini boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada ramai orang,+ kata beliau.

Haji Annuar juga berkata beliau sedia memanggil Menteri Besar Kelantan Haji Nik Aziz Nik Mat dengan nama penuhnya jika itulah yang diperlukan bagi kerajaan negeri meluluskan tanah untuk projek kerajaan pusat.

Beliau diminta mengulas kenyataan Haji Nik Aziz semalam bahawa kerajaan Kelantan menolak permintaan kerajaan pusat untuk mendapatkan tanah kerana ia tidak berpuas hati dengan sikap Haji Annuar. Haji Nik Aziz juga berkata beliau pernah mendengar kaset ucapan Haji Annuar yang menyebut nama beliau sebagai +Nik Aziz+ sahaja, bukan +Tok Guru+ seperti yang lazim disebut oleh rakyat negeri Kelantan.-- Bernama